



## KENYATAAN MEDIA

Pejabat Ketua Setiausaha Negara  
Aras 4, Blok Timur, Bangunan Perdana Putra  
Kompleks A, Jabatan Perdana Menteri  
62502 Putrajaya



### TIADA KOMPROMI TERHADAP PENJAWAT AWAM TERLIBAT SALAH LAKU RASUAH

Saya menyokong penuh kepada segala usaha untuk membanteras apa jua bentuk salah laku dan penyelewengan yang berlaku dalam sistem penyampaian Kerajaan terutama isu berkaitan rasuah yang dikendalikan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Pendedahan SPRM terhadap sindiket kartel tender Kerajaan yang bernilai RM3.8 bilion amat membimbangkan. Kes ini telah mula dikesan semenjak tahun 2014, dan hasil pemerhatian serta risikan berterusan pihak SPRM telah berjaya membawa kepada penahanan beberapa individu yang menjadi suspek utama siasatan.

Saya amat kesal terdapat segelintir penjawat awam yang membenarkan diri mereka diperguna oleh pihak berkepentingan untuk habuan lumayan.

Saya memberi jaminan bahawa tindakan tegas akan diambil terhadap mana-mana penjawat awam yang terlibat dalam isu ini ataupun sebarang salah laku yang menjejaskan imej Perkhidmatan Awam sekiranya dibuktikan bersalah.

Saya telah berulang kali memberi peringatan kepada semua Ketua Jabatan supaya menerap dan memegang utuh konsep integriti dalam pengurusan organisasi dengan memperkukuh program kesedaran dan pencegahan selaras dengan pelaksanaan Pelan Anti-Rasuah Nasional (NACP).

Jabatan Perkhidmatan Awam telah diarahkan untuk melaksanakan pusingan kerja bagi pegawai di jawatan-jawatan sensitif yang cenderung kepada isu berkaitan salah laku.

**TAN SRI MOHD ZUKI BIN ALI**

Ketua Setiausaha Negara

6 April 2021